

U 6075 BAH  
MAHATHIR - TRAGEDI

ALOR SETAR, 29 APRIL (BERNAMA) - - PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERHARAP KERAJAAN TERENGGANU AKAN MENGAMBIL LANGKAH MENGHENTIKAN USAHA MELOMBONG EMAS SECARA MENGGALI LUBANG DI NEGERI ITU DAN MENCADANGKAN SUPAYA EMAS TERUS DIKELUARKAN DENGAN CARA LAIN YANG LEBIH MODEN DAN SELAMAT.

BELIAU BERKATA CARA MELOMBONG EMAS YANG LEBIH TERSUSUN DAN MEMENTINGKAN SOAL-SOAL KESELAMATAN PERLU DIFIKIRKAN SEGERA BAGI MENGELAKKAN KEJADIAN YANG BERLAKU DI BUKIT LUBUK MANDI, MARANG, TERENGGANU SEMALAM, YANG MENAKIBATKAN 13 NYAWA DIKHUATIRI TERKORBAN TIDAK BERULANG LAGI.

PERDANA MENTERI, YANG SEDIH DENGAN KEJADIAN YANG MENIMPA PARA PENCARI EMAS ITU, BERKATA TRAGEDI SEUMPAMA ITU SEPATUTNYA TIDAK BERLAKU.

DALAM KEJADIAN SEMALAM, LEBIH 13 ORANG DIKHUATIRI MATI SELEPAS DINDING TEROWONG YANG MEREKA GALI UNTUK HELOMBONG EMAS RUNTUH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM KEGHAIRAHAN MANUSIA UNTUK MENGEJAR HARTA-BENDA KAOANGKALA MEREKA TIDAK MEMPEDULIKAN SANGAT SOAL-SOAL KESELAMATAN DIRI. -- LAGI

1920MST 29 04 89

U535

U B077 BAH  
MAHATHIR - TRAGEDI 2 ALOR SETAR

BELIAU JUGA MENCADANGKAN CARA BARU YANG BOLEH DIPERKENALKAN ITU MENGAMBIL KIRA HAK-HAK MEREKA YANG MEMILIKI TANAH ATAU TELAH MENGUSAHA LOMBONG DI SITU.

BELIAU BIMBANG SEKIRANYA CARA YANG LEBIH TERSUSUN TIDAK DILAKSANAKAN LEBIH BANYAK NYAWA AKAN TERKORBAN PADA MASA DEPAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA SEBAIK TIBA DI LANPANGAN TERBANG SULTAN ABDUL HALIM DI KEPALA BATAS, DI SINI, UNTUK MENGHADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA DI MASJID AL-AQLA DI JITRA PETANG INI.

MENGENAI TINDAKAN BERJASA MENGADAKAN PAKATAN DENGAN PAS, DAP DAN KUMPULAN SERPIHAN, BELIAU BERKATA KEDUDUKAN PART1 ITU DALAM BARISAN NASIONAL AKAN DITENTUKAN DALAM MESYUARAT BN YANG DIJANGKA PADA Hujung BULAN DEPAN ATAU AWAL JUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERASA GEMBIRA PULANG KE NEGERI INI UNTUK BERJUMPA-SAHABAT HANDAI DAN SAUDARA-MARA SELEPAS KIRA-KIRA LIMA BULAN TIDAK PULANG.

IA JUGA MERUPAKAN KALI PERTAMA BELIAU PULANG KE KEDAH SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI.

KIRA-KIRA 1,000 ORANG PENYOKONG BN, YANG MEMBAWA SEPANDUK MENYOKONG KEPIMPINAN BELIAU, MENYAMBUK KETIBAAN PERDANA MENTERI. MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, JUGA TURUT HADIR.

-- BERNAMA ITEM STORED AS: BA908 BCS 00156 GB 29-04 1916 MAHATHIR TRAGEDI ALOR SETAR, 29

1945MST 29 04 89